



TS. AKHMAL HISHAM BIN MOHD MISHANI (RAC) &lt;akhmal@rac.gov.my&gt;

## KEMASKINI PANDUAN PENGURUSAN KAEDAH BEKERJA BAGI KES POSITIF COVID-19 DAN KONTAK RAPAT (BERGEJALA) DI RAC

1 message

hr@rac.gov.my <hr@rac.gov.my>  
 To: staff@rac.gov.my  
 Cc: adam@rac.gov.my

29 July 2022 at 08:39

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan,

Merujuk kepada perkara di atas dan Fasa Peralihan Ke Endemik yang berkuat kuasa mulai 1 April 2022.

2. Dalam usaha untuk mengekalkan persekitaran tempat kerja yang selamat dan harmoni tanpa menjejaskan kelancaran operasi dan tugas harian di RAC, berikut adalah **Panduan Pengurusan Kaedah Bekerja** yang terkini bagi kakitangan yang disahkan positif COVID-19 dan kakitangan yang dikategorikan sebagai kontak rapat (bergejala), sebagaimana kelulusan Pengurus Besar:

Kategori/Status	Kaedah Bekerja
<b>Positif COVID-19</b>	<p><b>Ketua Bahagian</b> boleh mempertimbangkan:</p> <p>a) Kebenaran Tidak Hadir Bertugas selaras dengan Akta 342;</p> <p><b>atau</b></p> <p>b) Bekerja Dari Rumah (BDR)</p> <p>bagi tempoh kuarantin berdasarkan kepada <i>Home Surveillance Order (HSO)</i> (mySejahtera).</p>
<b>Kontak Rapat (Bergejala)</b>	<p>Pegawai hadir ke pejabat jika keputusan ujian COVID-19 adalah negatif pada hari pertama bergejala.</p> <p><b>Namun</b>, pegawai boleh memilih sama ada untuk memohon:</p> <p>a) Cuti Rehat; atau</p> <p>b) BDR dengan mendapatkan kelulusan daripada <b>Pengurus Besar</b></p> <p><b>DAN</b> memaklumkan kepada Unit Sumber Manusia keputusan ujian COVID-19 pada hari pertama dan ketiga gejala bermula.</p>

\* Pegawai perlu mematuhi syarat-syarat kelayakan permohonan Kebenaran Tidak Hadir Bertugas/BDR sebagaimana pekelling dan peraturan yang berkuat kuasa.

3. Sukacita diingatkan peraturan-peraturan yang digariskan di dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (AKta 605) berhubung **tindakan tatatertib** bagi tuan/puan yang gagal mematuhi perkara-perkara berikut:

<p><b>Bahagian II, Peraturan 21 (1) &amp; (2), Akta 605</b></p>	<p><b>Tugas untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Adalah menjadi tanggungjawab pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya;</li> <li>• Seseorang pegawai yang tidak menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib atau cuai dalam melaksanakan tugas boleh dikenakan tindakan tatatertib.</li> </ul>
<p><b>Bahagian III, Peraturan 23, Akta 605</b></p>	<p><b>Tindakan tatatertib kerana tidak hadir tanpa cuti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketidakhadiran untuk bertugas oleh seseorang pegawai tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan dia dikenakan tindakan tatatertib</li> </ul>

4. Bersama-sama ini dilampirkan maklumat-maklumat berkaitan untuk perhatian dan rujukan bersama:

- Borang Kebenaran Tidak Hadir Bertugas Atas Perintah Akta 342;
- Borang Arahan Bekerja Dari Rumah (PP Bil.5 2020);
- Carta Alir Permohonan Kelulusan Kebenaran Tidak Hadir Bertugas (bagi kakitangan yang disahkan positif COVID-19); dan
- Carta Alir Permohonan Kelulusan Bekerja Dari Rumah (bagi kakitangan yang dikategorikan sebagai kontak rapat (bergejala).)

Atas segala perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

---

## UNIT SUMBER MANUSIA

### Peringatan

Pengguna Perkhidmatan MyGovUC 2.0 adalah bertanggungjawab melindungi kerahsiaan data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Adalah diingatkan agar pengguna sentiasa peka dengan SEMUA peraturan, arahan keselamatan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa bagi semua pengendalian data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan yang berkaitan.

----- Forwarded message -----

From: <hr@emel.rac.gov.my>  
To: <staff@rac.gov.my>  
Cc: <adam@rac.gov.my>  
Bcc:  
Date: Thu, 31 Mar 2022 15:41:39 +0800  
Subject: FASA PERALIHAN KE ENDEMIK 1 APRIL 2022

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan,

Sebagaimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Yaakob pada 8 Mac 2022 yang lalu, negara kita akan memasuki **fasa 'peralihan ke endemik' mulai 1 April 2022**.

Sehubungan dengan itu, dilampirkan info yang berkaitan dengan **SOP** sepanjang fasa ini untuk perhatian dan makluman bersama.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga kerja RAC yang telah menyumbang dan menyokong setiap usaha Kerajaan dalam menangani COVID-19.

Klik di **SINI** untuk status COVID-19 RAC yang terkini.

#staysafe

#reopeningsafely

**UNIT SUMBER MANUSIA**



8 attachments



SOP Endemik 01042022.jpg  
123K



7\_Tonggak\_Fasa.jpg  
97K

Final\_Kenyataan\_Media\_DSHH\_090322\_1\_SOP\_9\_Garis\_Panduan.pdf  
197K

FASA PERALIHAN KE ENDEMIK 1 APRIL 2022.eml

636K



**Borang BDR v2.0.pdf**

267K



**Borang KEBENARAN TIDAK HADIR BERTUGAS (AKTA 342)\_julai2022.pdf**

116K



**CARTA ALIR BDR (KONTAK RAPAT\_BERGEJALA)\_julai2022.pdf**

215K




**CARTA ALIR THB\_BDR (POSITIF COVID-19)\_julai2022.pdf**

703K


(Kemaskini Julai 2022)

**CARTA ALIR PERMOHONAN KELULUSAN  
KEBENARAN TIDAK HADIR BERTUGAS (AKTA 342) &  
BEKERJA DARI RUMAH (BDR)  
(Bagi pegawai yang disahkan positif COVID-19)**



(Kemaskini Julai 2022)

**CARTA ALIR PERMOHONAN KELULUSAN  
BEKERJA DARI RUMAH (BDR)  
(Bagi pegawai yang dikategorikan sebagai  
kontak rapat (bergejala) kepada pesakit COVID-19)**





# PROSEDUR PENGURUSAN KONTAK RAPAT KEPADA KES COVID-19



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

*Berkuatkuasa 22 April 2022*

## KONTAK RAPAT TANPA MENGIKHTIRAKAN STATUS VAKSINASI

Status Kesihatan	Kuarantin	Keperluan Ujian Pengesanan COVID-19	Amalkan Langkah Pencegahan	Pelepasan Kuarantin
Tidak Bergejala	TIADA	TIADA	Dalam tempoh 5 hari dari hari terakhir pendedahan kepada kes positif COVID-19	Tidak berkenaan
Bergejala	Digalakkan untuk kuarantin sendiri	Digalakkan melakukan ujian RTK-Ag sendiri pada hari gejala bermula dan hari ketiga	Jika keputusan ujian RTK-Ag sendiri adalah negatif dan gejala berkurangan, boleh melakukan aktiviti-aktiviti luar dengan mengamalkan langkah-langkah pencegahan	

## LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN:



Sentiasa memakai pelitup muka apabila keluar dari rumah



Elakkan berada di tempat yang sesak



Memastikan pengudaraan yang baik



Elakkan daripada melawat kumpulan berisiko tinggi



Membuat perjalanan yang penting (*essential*) sahaja



Bersama Hentikan Wabak COVID-19

[moh.gov.my](http://moh.gov.my)

Dikemaskini: 21 April 2022